



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### SEMAKAN PRA PENDAFTARAN PEMILIH AUTOMATIK (SPPA) (kemas kini sehingga 30 September 2021)

---

**1. Apakah yang dimaksudkan dengan Semakan Pra Pendaftaran Pemilih Automatik atau SPPA?**

Satu proses semakan dan pengesahan rekod bakal pemilih sebelum didaftarkan secara automatik.

**2. Mengapakah SPPA dilaksanakan?**

Memberi peluang kepada bakal pemilih untuk menyemak dan mengesahkan rekod mereka dengan SPR.

**3. Bilakah tempoh SPPA dilaksanakan?**

SPPA dilaksanakan selama sebulan mulai 1 hingga 31 Oktober 2021.

**4. Apakah kaedah untuk membuat semakan rekod?**

- a. Aplikasi MySPR SPPA di <https://mysprsppa.spr.gov.my>;
- b. Kod QR Bahagian Pilihan Raya Parlimen di 604 tempat semakan SPPA di seluruh negara; atau
- c. Hubungi Hotline SPR di talian 03-8892 7018

**5. Siapakah yang boleh membuat semakan atau pengesahan rekod?**

Semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun (sehingga 31 Disember 2021) dan ke atas yang belum berdaftar sebagai pemilih.

**6. Adakah warganegara Malaysia yang lahir selepas 31 Disember 2003 atau berumur 18 tahun selepas 31 Disember 2021 boleh membuat semakan atau pengesahan rekod?**

Tidak boleh. Pelaksanaan SPPA ini hanya dibuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun (sehingga 31 Disember 2021) dan ke atas yang belum berdaftar sebagai pemilih.

**7. Apakah jenis semakan atau pengesahan rekod yang boleh dilaksanakan?**

- a. Menyemak dan mengesahkan maklumat peribadi;
- b. Menyemak dan mengesahkan alamat dan kawasan pendaftaran yang ditetapkan;
- c. Membuat aduan kesilapan maklumat peribadi;
- d. Membuat aduan kesilapan alamat dan kawasan pendaftaran;
- e. Membuat aduan-aduan lain yang berkaitan.

**8. Apakah maklumat yang perlu disemak atau disahkan?**

- a. Nama;
- b. Nombor Kad Pengenalan;
- c. Tarikh Lahir;
- d. Jantina;
- e. Alamat (termasuk poskod, bandar dan negeri);
- f. Kawasan Pendaftaran (termasuk negeri, parlimen, DUN, daerah mengundi dan lokaliti).

**9. Adakah terdapat maklumat lain yang perlu dimasukkan oleh bakal pemilih untuk membuat pengesahan?**

- a. Nombor Telefon; dan
- b. Emel.

**10. Apakah yang perlu dilakukan apabila membuat semakan atau pengesahan rekod di MySPR SPPA?**

Langkah-langkah semakan melalui MySPR SPPA adalah seperti berikut:

- a. Memasukkan nombor kad pengenalan dan melakukan carian.
- b. Menyemak maklumat peribadi, alamat dan kawasan pendaftaran.
- c. Membuat pengesahan maklumat peribadi, alamat dan kawasan pendaftaran.
- d. Sekiranya ada kesilapan, membuat aduan berkaitan dalam ruang aduan yang disediakan atau menghubungi Hotline SPR atau Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) terdekat untuk bantuan atau maklumat lanjut.

**11. Apakah yang perlu dilakukan apabila membuat semakan atau pengesahan rekod dengan Kod QR Bahagian Pilihan Raya Parlimen?**

Langkah-langkah semakan melalui Kod QR Bahagian Pilihan Raya Parlimen adalah seperti berikut:

- a. Mengimbas kod QR yang disediakan di tempat semakan yang ditetapkan.
- b. Menyemak maklumat peribadi, alamat dan kawasan pendaftaran.
- c. Sekiranya ada kesilapan, hubungi Hotline SPR atau Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) terdekat untuk bantuan atau maklumat lanjut.

**12. Apakah tindakan bakal pemilih sekiranya tiada rekod dijumpai?**

Bakal pemilih perlu menghubungi Hotline SPR di talian 03-8892 7018 atau menghubungi Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) untuk bantuan

dan maklumat lanjut dalam waktu pejabat mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

**13. Apakah tindakan bakal pemilih sekiranya terdapat kesilapan pada rekod maklumat peribadi, alamat atau kawasan pendaftaran?**

Bakal pemilih boleh terus membuat aduan berkaitan kepada SPR melalui ruang aduan dalam aplikasi MySPR SPPA. Pengguna juga boleh menghubungi Hotline SPR di talian 03-8892 7018 ataupun Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) dalam waktu pejabat mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

**14. Apakah sebab sekiranya tiada rekod dijumpai?**

- a. Kesilapan memasukkan nombor kad pengenalan; atau
- b. Nombor kad pengenalan tiada dalam rekod warganegara yang diterima oleh SPR daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Bagi 14.b., bakal pemilih diminta untuk membuat semakan lanjut dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2021.

**15. Adakah pemilih yang telah didaftarkan boleh membuat semakan atau pengesahan rekod?**

Tidak boleh sekiranya menggunakan dua kaedah SPPA iaitu Aplikasi MySPR SPPA atau Kod QR Bahagian Pilihan Raya Parlimen.

Sebaliknya, pemilih berdaftar boleh membuat semakan menggunakan MySPR Semak di <https://pengundi.spr.gov.my> atau

aplikasi MySPR Semak yang boleh dimuat turun di Google Play atau Apple Store.

**16. Bolehkah bakal pemilih membuat pengesahan maklumat peribadi dalam SPPA berulang kali?**

Boleh. Pengesahan maklumat peribadi dalam SPPA boleh dilakukan tanpa had dalam tempoh semakan yang ditetapkan tetapi hanya maklumat pengesahan terakhir yang dipaparkan dalam sistem.

**17. Apakah tindakan bakal pemilih sekiranya alamat yang dipaparkan di SPPA adalah berbeza dengan alamat mastautin?**

Alamat yang dipaparkan di SPPA merupakan alamat terkini dalam Mykad. Sekiranya bakal pemilih tidak tinggal di alamat tersebut, bakal pemilih digalakkan mengemaskini alamat MyKad di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2021.

**18. Bolehkah saya menyemak dan mengesahkan maklumat bagi pihak orang lain seperti ahli keluarga atau kenalan?**

Boleh. Semakan dan pengesahan maklumat boleh dibuat melalui:

- a. Aplikasi MySPR SPPA di <https://mysprsppa.spr.gov.my>;
- b. Kod QR Bahagian Pilihan Raya Parlimen di 604 tempat semakan SPPA di seluruh negara; atau
- c. Hubungi Hotline SPR di talian 03-8892 7018

Namun begitu, bakal pemilih boleh mengesahkan semula maklumat tersebut kerana maklumat pengesahan terakhir yang disimpan.

**19. Bolehkah pihak lain membuat aduan pengesahan maklumat bagi pihak saya?**

Boleh. Aduan boleh dikemukakan melalui Aplikasi MySPR SPPA di <https://mysprsppa.spr.gov.my> atau menghubungi Hotline SPR di talian 03-8892 7018.

**20. Bagaimana bakal pemilih ingin membuat semakan terhadap aduan yang dikemukakan dalam SPPA?**

Bakal pemilih boleh menyemak aduan mereka dalam Aplikasi MySPR SPPA di <https://mysprsppa.spr.gov.my> dengan menggunakan nombor kad pengenalan atau nombor tiket aduan.

**21. Apakah yang akan berlaku kepada maklumat saya sekiranya tidak sempat menyemak dan mengesahkan maklumat saya ketika tempoh semakan dari 1 Oktober hingga 31 Oktober 2021?**

Bakal pemilih akan didaftarkan sebagai pemilih secara automatik berdasarkan maklumat terkini daripada Jabatan Pendaftaran Negara sehingga 31 Oktober 2021.

**22. Apakah yang terjadi sekiranya bakal pemilih hanya membuat pengemaskinian alamatnya di Jabatan Pendaftaran Negara selepas tempoh SPPA berakhir pada 31 Oktober 2021?**

Bakal pemilih akan didaftarkan mengikut alamat di MyKAD sehingga 31 Oktober 2021. Permohonan pertukaran bahagian pilihan raya hanya boleh dibuat di mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN), Pejabat Pos atau melalui MySPR Daftar di <https://mysprdaftar.spr.gov.my> selepas tarikh pendaftaran pemilih secara automatik dikuatkuasakan.